



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
*(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)*  
**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**  
*(Ministry of Science, Technology and Innovation)*

29 September 2021

Notis Pemberitahuan AELB

Bil. 02/2021

**TEMPOH LESEN BAHARU DAN MEMBAHARUI YANG BOLEH DIMOHON  
DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (AKTA 304)**

**TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada pemohon mengenai tempoh lesen baharu dan membaharui yang boleh dimohon di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

**LATAR BELAKANG**

2. Subseksyen 16(6) Akta 304 memperuntukkan bahawa:

*“Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah, melainkan jika dibatalkan atau digantung terlebih dahulu, terus berkuatkuasa selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun sebagaimana ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan dalam satu-satu kes”*

3. Notis Pemberitahuan AELB Bil. 2/2016 bertajuk Penggunaan Sepenuhnya Perkhidmatan Secara Atas Talian Menggunakan Sistem eLesen-eSPP yang berkuatkuasa pada 21 Disember 2016 pula menetapkan semua permohonan berkaitan pengawalan aktiviti tenaga atom bagi maksud bukan perubatan hendaklah dibuat melalui Sistem eLesen-eSPP.

## PEMBERITAHUAN

4. AELB ingin memaklumkan bahawa **pemohon BEBAS memilih tempoh lesen** iaitu **minimum satu (1) tahun sehingga maksimum tiga (3) tahun semasa mengemukakan permohonan lesen baharu atau membaharui melalui Sistem eLesen-eSPP.**

5. Walau bagaimanapun, kelulusan tempoh sah lesen oleh AELB adalah tertakluk kepada tempoh lesen yang dipilih oleh pemohon dan penilaian terhadap permohonan yang dikemukakan. Fi lesen yang dikenakan adalah berdasarkan kepada tempoh sah lesen yang diluluskan oleh AELB.

## PENGUATKUASAAN NOTIS

6. Notis Pemberitahuan ini berkuat kuasa **serta merta** dari tarikh ia dikeluarkan.

## PENUTUP

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB melalui alamat seperti di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor  
E-mel : [corporate@aelb.gov.my](mailto:corporate@aelb.gov.my)  
Laman Web: [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)  
No. Tel: +603-89225888  
No. Faks: +603-89223685